



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

NGO DIGESA ANJUR KURSUS PEMANTAPAN PERKAHWINAN SMARTSTART 2ND HONEYMOON

CYBERJAYA, 2 OKT. – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menggesa lebih banyak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk tampil dan membuat permohonan melalui Peruntukan Perbendaharaan bidang kekeluargaan bagi melaksanakan program SMARTSTART 2nd Honeymoon yang dikhaskan kepada pasangan yang telah berkahwin sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

Program ini merupakan usaha berterusan LPPKN untuk membentuk keluarga sejahtera dan bahagia serta membantu pasangan dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan ke arah pemantapan institusi keluarga.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapannya yang dibacakan oleh Datuk Haji Suhaimi Mohd Ghazali, Pengurus LPPKN ketika merasmikan Seminar SMARTSTART 2nd Honeymoon di sini berkata, "Sejak tahun 2015 sehingga Jun 2022, hanya sebanyak 156 NGO telah melaksanakan 219 program yang melibatkan 19,470 peserta menerima manfaat daripada program berkenaan."

"Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 (KPKM-5, 2014) menunjukkan lebih separuh (56.2%) lelaki menyatakan punca mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan isteri curang (11.8%) dan campur tangan mentua, ipar/duai (10.0%). Manakala bagi wanita pula, lebih satu pertiga (38.0%) menyatakan punca utama mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman, diikuti dengan suami curang (20.5%) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2%)", tambah beliau.

Seminar sehari ini telah dihadiri lebih 50 pasangan atau 100 orang peserta. Turut hadir ialah Ybhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

####

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

(Puan Rosmonaliza Abd Ghani – 019-233 3415)